

## Hotel bajet tempat 'layan' wanita Thai, Myanmar digempur



Imigresen menahan 13 wanita warga asing disyaki pelacur dalam serbuan di dua premis hotel bajet di Subang Jaya pada Selasa.

**SUBANG JAYA** - 'Tempahan' wanita warga asing sebagai pelayan seks dibongkar dalam serbuan Op Gegar, di sini pada Selasa.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, serbuan di dua buah hotel bajet kira-kira jam 8.45 malam itu menahan 12 warga Thailand serta seorang Myanmar.

Menurutnya, Imigresen turut menjumpai sejumlah

kondom dan cecair pelincir bagi tujuan layanan seks. Turut diambil tindakan adalah tiga pelanggan lelaki tempatan.

"Hasil risikan mendapati premis ini dikunjungi pelanggan warga tempatan dan asing dengan menggunakan pakej perkhidmatan seks berharga RM200 sehingga RM270 bagi tempoh 45 minit.

"Kegiatan itu juga menawarkan harga RM950 bagi langganan 'outcall' bermula

dari jam 10 malam sehingga 7 pagi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata, wanita terbahit dipilih melalui tempahan di laman web dan Telegram.

"Kes disiasat di bawah Akta Permerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (Atipsom), Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963," katanya.